

19 JUN 2002

Kanada-Islam/I

KANADA MINAT BINCANG ISU ISLAM DAN KRISTIAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kanada berminat untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai isu-isu Islam dan Kristian, kata Setiausaha Negara (Asia Pasifik) negara itu, David Kilgour.

"Kami memang komited kepada kepelbagaian dan kebebasan untuk semua agama," katanya kepada pemberita pada jamuan sempena Hari Kanada di sini, hari ini.

Pada masa ini terdapat 600,000 umat Islam di Kanada dan jumlahnya pesat meningkat, katanya.

Menurut Kilgour beliau membincangkan pelbagai topik termasuk isu Islam-Kristian dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengunjungi Perdana Menteri di Putrajaya hari ini.

Beliau berkata Dr Mahathir adalah tokoh penting bagi dialog mengenai isu itu dan berharap Perdana Menteri dapat melawat Kanada tahun depan.

Dr Mahathir sudah pun membincangkan isu semasa mengenai Islam dan Kristian pada pertemuan dengan Ketua Gereja Roman Katolik Pope John Paul II di Vatican City awal bulan ini.

Terdahulu, Kilgour melawat Cyberjaya, yang disifatkannya sebagai satu usaha mengkagumkan yang mengembangkan ekonomi berasaskan pengetahuan di Malaysia.

Kanada merupakan pemimpin dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam abad baru dan melihat adanya ruang untuk menjalinkan kerjasama dengan Malaysia, katanya.

Kilgour berkata beliau juga melawat Universiti Putra Malaysia serta mengadakan perbincangan mengenai cara meningkatkan hubungan antara insitansi pengajian tinggi, pusat penyelidikan dan sektor swasta antara Malaysia dan Kanada.

Menurutnya Kanada berharap lebih ramai penuntut Malaysia akan belajar di negara itu.

-- BERNAMA  
LIB MSL NAK